

30 JUL 2001

Umno-Kuota

PEMUDA UMNO MAHU SISTEM KUOTA DIPERTAHANKAN

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menimbang dengan lebih teliti cadangan melaksanakan sistem meritokrasi ke atas kemasukan pelajar Bumiputera ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata langkah itu wajar dilakukan memandangkan sistem kuota ke atas kemasukan pelajar bumiputera ke IPTA masih diperlukan.

"Pemuda berpendirian bahawa sistem ini mesti dipertahankan kerana jurang perbezaan bagi peluang pendidikan, khususnya dalam bidang sains dan teknologi di antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah masih ketara," katanya.

Jumaat lepas, Dr Mahathir yang juga presiden Umno mengumumkan kerajaan akan mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah membabitkan pelajar Melayu termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke IPTA.

Hishamuddin berkata peluang pendidikan bagi pelajar Bumiputera masih tidak seimbang dan ia perlu dipertahankan sejajar dengan dasar pendidikan negara.

"Ketiadaan sistem kuota, khususnya dalam era k-ekonomi dibimbangi akan mewujudkan jurang perbezaan yang lebih jauh dari segi penguasaan ilmu di kalangan pelajar kita," katanya.

Hishamuddin berkata berdasarkan berdasarkan statistik tahun 2000, kemasukan pelajar Bumiputera ke Institut Pengajian Tinggi Swasta dan universiti luar negara bagi ijazah pertama, masing-masing adalah 42.1 peratus dan 12.6 peratus, jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan peratusan pelajar bukan Bumiputera.

Pemuda juga mahu kerajaan mengkaji semula prestasi pelajar Bumiputera di IPTA disamping mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka khususnya daripada segi perlembagaan, Akta Universiti Kolej Universiti (Auku), sukatan pendidikan dan sebagainya, katanya.

Satu kajian menyeluruh terhadap sistem pendidikan negara juga perlu diteliti bagi memastikan pelajar Bumiputera tidak terus ketinggalan di dalam bidang pendidikan dari peringkat sekolah rendah lagi, katanya.

"Pemuda amat komited dalam hal ini. Biro Pendidikannya akan melaksanakan pelbagai program seperti program tuisyen intensif dan program tunas generasi cemerlang bagi membantu pelajar dari peringkat sekolah untuk meningkatkan prestasi," tambah Hishamuddin.

-- BERNAMA

YBK ZS MOZ